



22 Ogos 2017
22 August 2017
P.U. (A) 242

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (PASPORT DAN VISA) (PEREMITAN FI) 2017

FEES (PASSPORTS AND VISAS) (REMISSION OF FEES) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PASPORT DAN VISA) (PEREMITAN FI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Pasport dan Visa) (Peremitan Fi) 2017**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh dari 22 Ogos 2017 hingga 31 Julai 2018.

Peremitan fi

2. (1) Fi bagi visa kemasukan berulang kali yang kena dibayar di bawah butiran 2.II(e) Perintah Fi (Pasport dan Visa) 1967 [*P.U. 189/1967*] bagi warganegara India diremitkan satu ratus peratus.

(2) Peremitan fi di bawah subperenggan (1) hanya terpakai bagi warganegara India yang datang ke Malaysia bagi maksud lawatan sosial, tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) permohonan bagi visa kemasukan berulang kali dibuat melalui Sistem Elektronik Visa;
- (b) visa kemasukan berulang kali sah bagi tempoh tiga bulan dari tarikh kelulusan visa;
- (c) tempoh tinggal di Malaysia terhad kepada lima belas hari sahaja bagi setiap kemasukan dan tidak boleh dilanjutkan; dan